

Headline	FAMA sasar 3,500 pusat jualan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	13 Jun 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	20	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	198 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,133
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,400



FAMA sasar 3,500 pusat jualan

ALOR SETAR - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan untuk menubuhkan sehingga 3,500 pusat jualan di seluruh negara menjelang 2020.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Is-hak berkata, sehingga kini, FAMA memiliki kira-kira 3,300 pelbagai pusat jualan seperti pasar tani, AgroBazaar dan My farm Outlet di seluruh negara.

Menurut Ahmad, pihaknya merancang menubuhkan 50 outlet yang baharu setahun bagi pusat jualan di Fama demi merealisasikan matlamat itu menjelang tahun 2020 terbabit.

"Sehingga kini, kita memiliki kira-kira 3,334 pusat jualan telah diwujudkan, sekaligus diharapkan pada 2020 jumlah diharapkan mencecah sehingga 3,500.

"Daripada jumlah itu, kita berharap dapat wujudkan 1,000 pasar tani menjelang 2020 berbanding 800 pasar tani di seluruh negara ketika ini," katanya pada sidang media selepas Maj-



Ahmad (kiri) dan Anuar (kanan) menunjukkan durian yang dikeluarkan oleh FAMA pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pejabat FAMA Kedah semalam.

lis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pejabat FAMA Kedah di sini semalam.

Turut hadir, Pengarah FAMA Kedah, Anuar Mohamed.

Dalam perkembangan sama, katanya, FAMA akan bekerjasama dengan outlet agensi lain, Pasar Nelayan dibawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Dalam kerjasama terbabit, kita akan berharap hasil tanaman sayur dijual di pasar nelayan, manakala

hasil nelayan dijual di pasar tani," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ahmad berkata, pihaknya tidak menerima aduan berhubung tanaman seperti buah-buahan terjejas berikutan kemarau ataupun musim panas.

"Setakat ini, kita tidak dapat maklumat ada kejatuhan sebaliknya harga buah-buahan seperti durian masih dalam keadaan baik, stabil dan tidak tinggi," katanya.